

## **GARIS PANDUAN PROGRAM KOMUNITI**

### **1. PENGENALAN**

Setiap kelas perlu melaksanakan projek pelajar bagi melengkapkan hasil pembelajaran dalam bidang yang diikuti. Projek Komuniti ini berlangsung dalam minggu ke Sembilan (9) hingga minggu ke dua belas (12).

### **2. KATEGORI**

Secara umumnya, Projek Komuniti dibahagikan kepada dua kategori (2) iaitu:

#### **a) Skala Kecil**

- i. Anggaran Belanjawan daripada RM500.00 – RM4,999.99
- ii. Perasmi Timbalan Naib Canselor, Dekan/Pengarah Jabatan, Wakil PKPP, Pegawai Daerah, Ketua Kampung.
- iii. Laporan program tanpa liputan media.
- iv. Anggaran penglibatan peserta sekurang-kurangnya 20-100 orang tidak termasuk jawatankuasa.
- v. Impak program kepada komuniti peringkat universiti atau kawasan tertentu (kampung-kampung, sekolah, masjid/surau).
- vi. Tidak dibenarkan untuk membuat penggabungan kelas.
- vii. Tajaan program diterima RM1, 999.99 ke bawah.
- viii. Berkaitan dengan bidang kepakaran.

#### **b) Skala Besar**

- I. Anggaran Belanjawan daripada 5,000.00- 50,000.00
- II. Perasmi Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian, Naib Canselor, Ahli parlimen,/ADUN, CEO Syarikat (kukuh), Dekan/Pengarah Jabatan, Wakil PKPP.
- III. Laporan program mempunyai liputan media.
- IV. Anggaran peserta 101- ke atas tidak termasuk jawatankuasa.
- V. Impak program kepada komuniti luar peringkat negara, negeri dan daerah.
- VI. Dibenarkan untuk menggabungkan maksimum 2 buah kelas.
- VII. Tajaan program diterima RM2, 000.00 ke atas.
- VIII. Berkaitan dengan bidang kepakaran.

### 3. SENARAI SEMAK

Setiap Fasilitator perlu membuat rujukan dan semakan jadual di bawah:

BIL	PERKARA	√
	<b>SEBELUM PROGRAM</b>	
1.	Melantik jawatan kuasa	
2.	Kertas Kerja	
3.	Surat Mohon Kelulusan & Pengecualian Cukai	
4.	Surat Kebenaran Kepada Pihak Berkenaan	
5.	Mengisi Borang Tempahan Kenderaan (2 Minggu Sebelum Program Walaupun Surat Kelulusan Belum Dikeluarkan)	
6.	Banner, Banting, Poster Dan Hebahan Bahan Publisiti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan Fasilitator</li> <li>• Pengesahan PKPP</li> <li>• Kelulusan COSCOM (Untuk Gantung Dalam Kampus)</li> </ul>	
7.	Surat Jemputan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Salutasi VIP ATAU VVIP</li> </ul>	
8.	Kelengkapan urusetia	
9.	Simulasi/ <i>Rehearsal</i>	
10.	<i>First Aid</i> & Kelengkapan keselamatan	
	<b>SELEPAS MENDAPAT KELULUSAN PROGRAM</b>	
11.	Mengisi Borang Permohonan Peralatan	
12.	Mengisi Borang Pindaan Aktiviti (Sekiranya Ada)	
13.	Mendapatkan Surat Pengecualian Kelas Daripada PKPP	
14.	Surat Lawatan Tapak	
15.	Mengisi Borang Jamin Diri	
	<b>SEMASA PROGRAM BERLANGSUNG</b>	
16.	Taklimat program kepada jawatankuasa bersama	
17.	Aturcara Pentadbiran <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Acara Rasmi</li> <li>❖ Keseluruhan program</li> </ul>	
18.	Jemputan & tetamu kehormat	
19.	Teknikal & Logistik	
20.	Keselamatan dan kebersihan	
21.	Mengedarkan borang soal selidik <ul style="list-style-type: none"> <li>a) maklumbalas komuniti</li> <li>b) maklumbalas pelajar UPM</li> </ul>	
	<b>SELEPAS TAMAT PROGRAM</b>	
22.	Menghantar Laporan Aktiviti Pelajar	
23.	Menghantar Artikel	
24.	Menghantar analisis penilaian soal selidik maklum balas komuniti dan pelajar	
25.	Menghantar tuntutan Kepada Bendahari (Pelajar/Fasilitator)	
26.	Menghantar DVD (Item Di Dalam DVD, <i>Soft Copy</i> Laporan Aktiviti Pelajar, Artikel, Video 3 Min Sepanjang Program, Gambar	

#### 4. PANDUAN MASA PROGRAM KOMUNITI

SKALA KECIL		SKALA BESAR	
AKTIVITI	MASA	AKTIVITI	MASA
Program setengah hari (8-12 Tengahari)	3 jam	Program sehari (8-11 malam)	9 jam
Program sehari (8-4 petang)	6 jam	Program 2 hari (8-4 petang)	12 jam
		Program 3 hari	15 jam

\*Pagi =1 kelas, Petang =1 kelas, Malam =1 kelas.

\*\* Skala kecil/ Besar –Rujuk rangka kursus.

#### 5. PEMILIHAN TEMA PROGRAM KOMUNITI

TERAS	TEMA PROJEK
Sukan	Mengikut kursus/kelas yang diambil
Kebudayaan	
Inovasi & Rekreasi	
Kesukarelawan	
Kepimpinan	
Keusahawanan	
Pengucapan Awam	
Khidmat Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Pendidikan</li> <li>❖ Warga Emas</li> <li>❖ Pembangunan Orang Asli</li> <li>❖ Alam Sekitar</li> <li>❖ Jaringan Antarabangsa</li> <li>❖ Motivasi</li> <li>❖ OKU/ Autisme</li> <li>❖ Kesihatan</li> <li>❖ Orang miskin</li> </ul>

**Nota:**

1. Fasilitator tidak digalakkan untuk melaksanakan projek komuniti secara berulang berdasarkan tema yang ditetapkan.
2. Pelaksanaan Projek Komuniti tidak dibenarkan sekiranya melibatkan pihak luar yang menguruskan secara hampir keseluruhan projek.
3. Fasilitator wajib menjaga imej dan nama baik universiti.
4. Fasilitator hendaklah menentukan tempat Projek Komuniti berdasarkan jarak dalam lingkungan 150 KM. Implikasi kewangan ditanggung oleh pihak jawatan kuasa Projek Komuniti sekiranya melebihi jarak tersebut termasuklah perlu mendapatkan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).